

**Prof. Ts Dr. Massila Kamalrudin  
Naib Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**

**Dewan Auditorium FKP, UTeM  
5 April 2022**



**1. SALAM**

Bismillah-hir-Rahman-nir-Rahim.

Terima kasih Saudari pengacara majlis.

**Yang Berbahagia Datuk (Dr). Hafsa Hashim**

Pengerusi Women Leadership Foundation (WLF)

**Yang Berbahagia Dato' Hazimah Zainuddin**

Timbalan Pengerusi 1, Women Leadership Foundation (WLF)

**Yang Berbahagia Datuk Zunaidah Idris**

Timbalan Pengerusi II, Women Leadership Foundation (WLF)

**Yang Berusaha Puan Emilia Liyana Anwar,**

CEO, Women Leadership Foundation (WLF)

**Yang Berusaha Dr. Isma Addi Jumbri,**

Pengarah, Pusat Pembangunan Perusahaan dan Teknousahawanan (CREATE), UTeM

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Para hadirin dan hadirat sekalian.

**Assalamualaikum wbt**

**Salam Sejahtera**

**Salam Malaysia Madani**

**Salam UTeMku Sayang**

**Menjajar Universiti, Melonjak ke Hadapan**

Pertama, mari kita sama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya maka dapat kita semua bertemu pada petang ini dalam **Majlis Iftar Ramadhan dan Penyerahan Sumbangan Raya Kepada Anak-Anak Yatim/ Asnaf** di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, Nabi kita yang menjadi rahmat kepada seluruh alam.

## 2. TUJUAN MAJLIS

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Program **Majlis Iftar Ramadhan dan Penyerahan Sumbangan Raya Kepada Anak-Anak Yatim/ Asnaf** merupakan rentetan program '**Bual Bicara Membina Generasi Pemimpin dan Usahawan Wanita: Strategi Untuk Kemajuan dan Kejayaan**' yang telah diadakan pada sebelah petang tadi.

Dimaklumkan seramai 5 tokoh usahawan/ pemimpin Wanita telah bersama dalam program Bual Bicara dan seramai lebih 300 orang peserta telah terlibat sama dalam program tersebut yang telah diadakan di Kompleks Dewan Kuliah 2 (BPA), jam 3.00 petang.

Pelaksanaan program ini bukan sahaja akan membantu merealisasikan hasrat UTeM untuk meningkatkan bilangan graduan Wanita UTeM yang menjadi usahawan teknologi malah turut mendedahkan para pelajar dengan dunia sebenar keusahawanan dan korporat sebenar sebelum bergraduan. Ini seterusnya menyediakan para pelajar dengan ilmu dan kemahiran lain bagi menyediakan para pelajar memasuki industri.

Untuk makluman semua, pemerksaan wanita merupakan satu agenda penting yang sedang dibangunkan oleh UTeM. Pada tahun lepas, UTeM telah menganjurkan **Woman Technicpreneurship Convention** di mana konvensyen tersebut adalah bertujuan untuk mendedahkan seterusnya menggalakkan usahawan wanita untuk menceburi bidang keusahawanan berdasarkan teknikal. Insyaallah konvensyen tersebut di dalam perancangan untuk dianjurkan sekali lagi pada tahun ini dengan lebih besar melalui kerjasama dengan pelbagai pihak. Saya juga mengharapkan kolaborasi bersama pihak Women Leadership Foundation dalam menjayakan konvensyen tersebut pada tahun ini.

Untuk makluman pihak Women Leadership Foundation, hasil dari usaha yang telah dijalankan bagi pemerksaan wanita di UTeM, alhamdulillah buat pertama kalinya seorang wanita telah dilantik sebagai Yang Di Pertua Majlis Perwakilan Pelajar UTeM (MPP). Ini merupakan sebuah sejarah bagi UTeM kerana sejak ditubuhkan, YDP MPP yang dilantik adalah terdiri daripada lelaki. Saya merasakan bahawa ini merupakan satu kejayaan hasil daripada usaha pemerksaan wanita yang telah dijalankan oleh UTeM. Insyaallah usaha ini tidak akan terhenti di situ sahaja dan kami di UTeM mengharapkan terdapat banyak lagi hasil yang akan dapat dilihat kelak.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Kerjasama erat di antara Pusat Pembangunan Perusahaan dan Teknousahawanan (CREATE) dengan Women Leadership Foundation (WLF)

bermula terjalin sejak 2021 apabila CREATE menghubungi YBhg. Dato' Hazimah Zainuddin, Pengarah Urusan, Hyrax Oil Sdn. Bhd bagi membentangkan kerjasama dengan WLF dan berhasrat untuk menjadi pengedar tunggal minyak pelincir jenama Hyrax di bawah Koperasi Siswa UTeM Berhad. Pada masa itu YBhg Dato' Hazimah juga memperkenalkan CREATE dengan WLF dan menerangkan program 'Young Aspiring Leaders & Entrepreneurs (YALE)' dan kerjasama lain dalam melahirkan lebih ramai usahawan dan pemimpin wanita dalam kalangan pelajar.

Alhamdulillah pada hari ini kerjasama CREATE, HEPA dan WLF terjalin dan semoga kerjasama ini akan terus berpanjangan. Ini kerana, program ini seiring dengan hasrat Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sepelemanya yang digariskan dalam **Pelan Strategik UTeM 2023-2025 ke arah meningkatkan bilangan graduan wanita yang menjadi usahawan teknologi di bawah Teras Strategik 3: Menjuarai Khidmat Insani, Mengundang Kesejahteraan.**

Saya mengharapkan kerjasama di antara UTeM dan Women Leadership Foundation akan dapat diteruskan bagi penganjuran program-program di masa akan datang terutamanya dalam bidang pemerkasaan wanita dan juga keusahawanan dan tidak tertakluk kepada program-program di UTeM sahaja, bahkan di peringkat kebangsaan yang melibatkan institusi-institusi pengajian lain di seluruh Malaysia. Kami di UTeM sentiasa mengalu-alukan sebarang kerjasama daripada pihak Women Leadership Foundation.

Hadirin sekalian,

Pada hari ini juga turut akan diadakan penyerahan sumbangan raya. Perhargaan terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada Women Leadership Foundation (WLF) atas tajaan dan sumbangan yang **bernilai lebih RM11,000** bagi penyerahan sumbangan raya kepada **50 pelajar UTeM yang terdiri daripada anak-anak yatim dan asnaf.**

Untuk makluman pihak Women Leadership Foundation, komposisi pelajar UTeM adalah terdiri daripada lebih 60% di kalangan B40. Dan kami di UTeM sentiasa mengalu-alukan sebarang sumbangan daripada pihak-pihak luar dalam membantu pelajar-pelajar untuk memastikan mereka dapat menjalani aktiviti pembelajaran dengan selesa. Ini adalah selaras dengan hasrat Universiti melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang menyasarkan tahun 2023 sebagai tahun keupayaan dan kebajikan pelajar.

### 3. KESIMPULAN

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Women Leadership Foundation (WLF) kerana sudi bekerjasama dengan UTeM dan memberi peluang kepada mahasiswa/i UTeM bersama 5 tokoh usahawan dan pemimpin Wanita hebat dalam program Bual Bicara petang ini. Ucapan terima kasih juga kepada pihak CREATE kerana telah berjaya menganjurkan program ini.

Saya berharap dan mendoakan agar kerjasama yang terjalin di antara UTeM dan WLF akan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Sekian. Terima kasih.**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah.**

**Wassalamualaikum warahmatullah hi barakatuh.**

